



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**Y.B DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**MAJLIS HARI INOVASI RISDA TAHUN 2017**

**TEMPAT : AUDITORIUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH, IBU PEJABAT RISDA  
KUALA LUMPUR**  
**TARIKH : 25 OKTOBER 2017 (RABU)**  
**MASA : 10.00 PAGI**

## **Salutasi**

- 1. Ybrs. Pengerusi Majlis**
- 2. Yb.Datuk Zahidi bin Zainul Abidin  
Pengerusi RISDA**
- 3. Ybhg.Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad  
Ketua Pengarah RISDA**
- 4. Ybhg.En.Nasarudin bin Malek  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA**
- 5. Ybhg.En.Abdullah bin Zainal  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat) RISDA**
- 6. Pengarah-Pengarah RISDA Negeri, Pengarah-Pengarah Bahagian,  
Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA**
- 7. Yang Diraikan Penerima-penerima Anugerah Kualiti dan Inovasi**
- 8. Rakan-rakan media**
- 9. Serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.**

**Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa,**

1. Alhamdulillah, setinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T. di atas perkenanNya maka hari ini kita dapat bersama – sama dalam majlis yang begitu signifikan dalam membudayakan inovasi di kalangan warga RISDA. Terlebih dahulu saya ingin merakam sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pengurusan RISDA kerana menjemput saya untuk menyempurnakan Hari Inovasi RISDA 2017 yang penuh berprestij ini dengan tema **BUDAYA INOVASI RANGSANG PRODUKTIVITI**. Satu tema yang menunjukkan manifestasi iltizam semua warga RISDA dalam membina ekosistem inovasi yang kreatif ke arah pemerkasaan produktiviti di kalangan pekebun kecil dan warga RISDA itu sendiri.

Para hadirin sekalian,

**INISIATIF NBOS PERLU DITERUSKAN BAGI MENGEKALKAN PRODUKTIVITI**

2. Seikhlasnya saya tetap percaya dan yakin bahawa Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang

telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd.Najib bin Tun Hj.Abdul Razak pada tahun lalu seharusnya sentiasa diamalkan oleh setiap dan antara agensi di bawah KKLW bagii memaksimumkan penggunaan sumber sedia ada dalam menjayakan enam teras program pembangunan KKLW. Sebagai contoh penubuhan RiSSmart oleh RISDA yang menjadi pusat jualan setempat produk usahawan RISDA boleh juga dikongsi bersama dengan produk-produk usahawan dari agensi lain KKLW seperti MARA dan FELCRA yang akan memberi peluang dan ruang kepada rakyat untuk membuat pilihan dalam pembelian. Selain dari itu, RISDA turut bekerjasama dengan Agrobank untuk membuat pembiayaan Program Rumah Bina Negara (RBN) kepada generasi kedua luar bandar yang tidak memiliki slip gaji. Diharapkan dengan NBOS yang dilakukan bersama Agrobank ini dapat membantu KKLW untuk mensasarkan pembinaan RBN sebanyak mungkin bagi memberi keselesaan kepada generasi kedua luar bandar memiliki kediaman sendiri.

3. Strategi Lautan Biru pada hemat saya juga merupakan *triggers* kepada semua industri atau institusi

termasuk RISDA dalam inisiatif memperbaiki langkah-langkah, idea, perkhidmatan dan apa jua ciptaan yang tidak pernah wujud atau diamalkan sebelum ini selain daripada bertujuan untuk keluar daripada pemikiran silo. Di RISDA sendiri sebagai langkah tambahan oleh Kerajaan bagi mengurangkan kos sara hidup, bajet 2017 juga telah mengumumkan, Kerajaan akan memperkenalkan Bantuan Musim Tengkujuh sebanyak RM 200.00 sebulan bagi tiga bulan pada November, Disember dan Januari yang akan memanfaatkan 509,168 orang pekebun kecil dan penoreh getah selain dari Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BRIM) yang akan diterima oleh para pekebun kecil ini bagi meringankan kos sara hidup rakyat.

#### **INOVASI PENERAJU TRANSFORMASI KEJAYAAN**

4. Kunci kepada keberhasilan Inovasi atau kreativiti bertaraf tinggi amat bergantung kepada cara kita semua memandang rakyat, pelanggan atau stakeholder dengan cara yang lebih luas dengan bergerak dari *thinking outside the box*. Setiap seorang warga RISDA seharusnya dipandang sebagai aset penting yang perlu diberi kefahaman tentang semua strategi baru agar RISDA sentiasa di hadapan

daripada agensi-agensi lain. Pengurusan Tinggi perlulah lebih bertanggungjawab untuk menjadikan strategi baru sebagai suatu keperluan sekiranya mahu minda inovasi dan kreativiti ini dilahirkan.

5. Dalam hal mengekalkan kejayaan pula, kita sering kali lupa bahawa selain menumpukan kebolehan kita bercakap atau memberi pendapat, kita juga harus menjadi individu yang pandai menyoal serta menerima pandangan orang lain walaupun kita berkhidmat dalam sebuah kementerian, jabatan atau agensi yang memiliki kuasa. Seringkali sikap malu atau ego memungkinan pengabaian kebijaksanaan kita untuk bertanya, yang akhirnya menyebabkan maklumat, kreativiti atau inovasi kita terhalang.
6. Untuk RISDA terus unggul dan mendahului, saya ingin berkongsi apa yang telah saya baca bahawa setiap manusia memiliki kepelbagaian kebijaksanaan, selain dari kecerdasan IQ. Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan supaya RISDA dapat meluaskan skop kreativiti dan inovasi celik akal di luar

persekitaran kerja operasi harian yang biasa dilakukan bagi menghasilkan kepelbagaian inovasi pada tahun hadapan. Skop idea kreativiti dan inovasi boleh diperluaskan dalam aspek pengiraan sesuatu, linguistik, ruang pejabat, muzik, interpersonal, mengawal diri dan personel, alam sekitar atau spiritual tanpa terikat kepada skop tugas yang diamalkan seharian agar potensi pelaksanaannya meluas signifikannya serta dapat memberi impak yang tinggi kepada Perkhidmatan Awam dan Negara.

7. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan tahniah dan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Hari Inovasi RISDA 2017 di atas kejayaan penganjuran majlis penuh gilang gemilang hari ini. Diharapkan segala kerjasama dan komitmen yang telah diberikan selama ini akan tetap diteruskan di masa-masa yang akan datang untuk memartabatkan Perkhidmatan Awam dan memberi nilai kepada masyarakat luar bandar terutamanya pekebun kecil RISDA selaras dengan tagline, Membandarkan Luar Bandar.

**Dengan lafaz bismillahir rahmannir rahim saya merasmikan Majlis Hari Inovasi RISDA Tahun 2017.**

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Walhidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Terima Kasih**